

12 MAY 2000

Mahathir-Naib

MAHATHIR PUAS HATI DENGAN KEPUTUSAN PEMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad hari ini berkata beliau berpuas hati dengan pemilihan tiga naib presiden dan 25 anggota Majlis Tertinggi pada pemilihan parti semalam.

Katanya anggota perwakilan memilih campuran yang baik yang merupakan satu tradisi dalam Umno.

"Ia mencerminkan campuran yang dikehendaki Umno. Mereka (perwakilan) mahu yang lama dan juga mereka yang telah ditolak pada masa lalu," katanya kepada pemberita pada penutup hari kedua perhimpunan agung Umno ke-54 di sini.

"Ia merupakan campuran baik antara (pemimpin) biasa, yang baru, yang muda dan yang lama," katanya.

Pada pemilihan semalam, penyandang jawatan naib presiden Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhamad Taib mengekalkan kerusi mereka sementara Tan Sri Muhyiddin Yassin kembali dengan memenangi tempat ketiga jawatan itu.

Dua menteri besar, seorang ketua menteri dan dua timbalan ketua menteri merupakan antara 25 yang dipilih menganggotai Majlis Tertinggi.

Turut dipilih ialah bekas ketua Pemuda Umno Datuk Zahid Hamidi dan bekas menteri Datuk Shahrir Samad.

Ditanya mengenai kemenangan Zahid, Dr Mahathir berkata Zahid telah tidak mahu dikaitkan lagi dengan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Beliau mendedahkan bagaimana Anwar mempengaruhi beliau untuk membuat dakwaan terhadap kerajaan. Kini beliau 100 peratus dengan parti, saya fikir kemungkinan disebabkan itu beliau telah dipilih," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada barisan naib presiden menunjukkan para perwakilan mematuhi nasihat beliau supaya menolak calon-calon yang mengamalkan politik wang, Dr Mahathir berkata baginya beliau tidak menerima apa-apa dakwaan mengenai mereka.

"Saya tidak mempunyai bukti yang mereka terlibat dalam rasuah. Tentunya memang ramai yang membuat andaian tetapi saya tidak boleh bertindak atas andaian. Saya harus ada bukti mengenai kesalahan yang dilakukan, saya tidak boleh menghukum orang tanpa bukti," katanya.

Ditanya sama ada ini merupakan penggal terakhirnya sebagai presiden Umno, Dr Mahathir berkata segalanya mungkin.

"Tiada siapa yang popular selamanya. Saya maksudkan pandangan mungkin berubah, saya tidak tahu. Saya semakin tua, usia persaraan biasa bagi hakim-hakim ialah 65 tahun, saya sudah 75, dah lebih 10 tahun," kata Dr Mahathir yang menang tanpa bertanding bagi tempoh tiga tahun lagi.

Mengenai saranan perwakilan semasa perbahasan yang mahukan pemimpin-pemimpin kerajaan daripada Umno memberi tumpuan lebih kepada kerja-kerja parti, Dr Mahathir perkara itu perlu dikaji dengan teliti.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai krisis penculikan Pulau Sipadan, berkata Malaysia mahu melihat sedikit kemajuan dalam usaha membebaskan 21 orang yang diculik.

"Tetapi kita tidak menyalahkan sesiapa. Saya fikir semua kerajaan sedang berusaha termasuk Filipina. Saya berharap dan berdoa akan ada kemajuan dalam perkara ini," katanya.

Mengulas permintaan MCA untuk menambah jawatan bagi parti itu dalam kabinet, Dr Mahathir berkata beliau perlu mengkaji perkara itu terlebih dahulu.

"Kita kena kaji dululah, kalau ada asas. (Jawatan) menteri biasanya tak tambah, lain-lain jawatan kita tengok dululah," katanya.

MCA kini menyandang empat jawatan menteri.

-- BERNAMA

AR RON